



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

MENURUTI KESEMPURNAAN ISLAM

Tarikh Dibaca:

**10 SYAWAL 1445H /
19 APRIL 2024**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



جامعة إسلام ملaysia
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

MENURUTI KESEMPURNAAN ISLAM

19 APRIL 2024 / 10 SYAWAL 1445H

الحمد لله القائل:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

ثُمَّ جَعَلْنَاكَ عَلَى شَرِيعَةٍ مِنَ الْأَمْرِ فَاتَّبِعْهَا وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ۚ

(سورة الجاثية)

أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسِّلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ
اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيْكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam rahmat Allah SWT. Berikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan janganlah melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti berbual-bual dan bermain telefon bimbit. Mudah-mudahan khutbah ini akan memberi banyak pengajaran kepada kita semua.

Pada hari ini saya akan membicarakan khutbah bertajuk: “**Menuruti Kesempurnaan Islam**”.

Sebelum itu, saya ingin mengajak seluruh kaum muslimin dan muslimat untuk terus mendoakan keselamatan penduduk Palestin yang sedang ditindas teruk di tanah air mereka sendiri. Semoga mereka semua segera bebas dari cengkaman rejim zionis Israel *laknatullah alaihim*. Saya juga ingin menyeru kepada semua untuk mendoakan kesejahteraan dan keselamatan negara kita khususnya dan seluruh dunia umumnya dari sebarang bentuk malapetaka, kekacauan dan huru-hara serta dijauhkan dari sebarang bentuk pertelingkahan atau peperangan.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Bulan Syawal merupakan suatu peluang untuk kita meneruskan amal ibadah dan melaksanakan ketaatan kepada Allah SWT menurut segala yang telah diperintahkan melalui al-Quran dan hadis Rasulullah SAW.

Setelah sebulan kita menjalani tarbiyah di Bulan Ramadan, kini kita harus menilai diri sendiri sama ada kita berjaya membentuk peribadi mukmin bertakwa yang mampu menjalankan perintah Allah SWT dan menjauhi larangan-larangan-Nya atau malah sebaliknya kita kembali kepada perilaku buruk dan ingkar kepada perintah Allah SWT.

Ajaran Islam cukup sempurna melengkapi keperluan manusiawi sesuai fitrahnya sama ada ketika gembira, sedih, diuji dan sebagainya. Inilah jalan yang dihamparkan bagi Nabi Muhammad SAW dan seluruh umatnya untuk dituruti dan bukan menurut kehendak hawa nafsu semata-mata. Firman Allah SWT dalam Surah al-Jaathiyaah ayat 18 yang dibacakan pada awal khutbah tadi bermaksud:

“Kesudahannya Kami jadikan engkau (wahai Muhammad dan utuskan engkau) menjalankan satu Syariat (yang cukup lengkap) dari hukum-hukum agama; maka turutlah Syariat itu, dan janganlah engkau menurut hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui (perkara yang benar)”.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Syawal merupakan detik kita meraikan kegembiraan dan kita menggembirakan orang lain dengan apa-apa juu cara yang dibenarkan oleh Syarak. Namun begitu, dalam kita menzahirkan kegembiraan itu, janganlah pula kita terikut-ikut dengan cara dan gaya yang boleh menjatuhkan maruah diri, keluarga dan agama apatah lagi bergembira dengan cara

yang bertentangan dengan ajaran Islam dengan bercampur lelaki dan perempuan tanpa menghiraukan batas pergaulan dan soal aurat. Tidak salah untuk kita meniru perkara yang baik walaupun ia datang dari kalangan bukan Muslim apatah lagi ia memberi manfaat yang sangat besar kepada manusia. Namun sangat menyedihkan apabila melihat kaum Muslimin tidak kira tua dan muda berlumba-lumba meniru perbuatan yang tidak memberi manfaat pun kepada dirinya sendiri mahupun orang lain.

Rasulullah SAW telah memberikan peringatan melalui hadis:

لَتَبْيَعُنَ سَنَّ مِنْ قَبْلَكُمْ شِبَّرًا وَذِرَاعَ حَتَّىٰ لَوْ سَلَكُوا بُحْرَضَ لَسْلَكْتُمُوهُ
قُلْنَا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، الْيَهُودُ وَالنَّصَارَى؟ قَالَ فَنَ?

Maksudnya: “Sungguh, kamu akan mengikuti langkah orang-orang sebelum kamu sejengkal demi sejengkal, dan sehasta demi sehasta. Kalaupun mereka menempuh masuk lubang dhab (biawak), nescaya kamu akan mengikutinya”. Kami mengatakan, “Wahai Rasulullah! Apakah itu jalan orang-orang Yahudi dan Nasrani?” Baginda menjawab, “Siapa lagi kalau bukan mereka?”.¹

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Kemuliaan Syawal tidak wajar dicemari dengan perkara-perkara dosa dan mungkar. Rugilah sekiranya selepas selesai Ramadan kita tidak mencapai matlamat takwa sepetimana yang disebut sebagai matlamat puasa itu. Abu Darda' RA menghuraikan maksud takwa dengan katanya: “Kesempurnaan takwa itu ialah apabila seorang hamba takutkan Allah sehingga dalam sekecil-kecil perkara (sebesar zarah) dan juga dia meninggalkan perkara yang dilihatnya halal kerana takut terjebak kepada yang haram, sebagai penghalang antara dirinya dengan perkara yang haram”.²

Realiti hari ini begitu membimbangkan apabila melihat manusia sangat mudah terikut-ikut dengan cara dan gaya semasa yang semuanya dibuat demi konten media sosial. Perasaan malu seakan-akan kian hilang dalam diri apabila umat Islam sama ada kaum lelaki mahupun wanita semakin berani menari dan menyanyi di khalayak ramai tanpa

¹ Hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim dari sahabat Abu Sa'id al-Khudri RA

² Fathu al-Bari libni Rejab (1/16)

mengambil kira persoalan aurat antara lelaki dan wanita yang *ajnabi*. Bukan setakat itu sahaja, malah dirakam dan disebar pula di media-media sosial untuk tatapan awam. Pedoman dari Surah al-Nur ayat 30 dan 31 wajar menjadi ingatan buat kita semua supaya tidak menzahirkan apa-apa jua perhiasan diri yang menjadi tarikan *ajnabi*.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Nuur ayat 30:

قُل لِّلْمُؤْمِنِينَ يَغْضُبُوا مِنْ أَبْصَرِهِمْ وَيَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ذَلِكَ أَزْكَى لَهُمْ إِنَّ اللَّهَ خَيْرٌ
بِمَا يَصْنَعُونَ ۝

Maksudnya: “Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang-orang lelaki yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka. Yang demikian itu lebih suci bagi mereka; sesungguhnya Allah Amat Mendalam Pengetahuan-Nya tentang apa yang mereka kerjakan”.

Manakala dalam ayat 31 pula, Allah SWT berfirman:

وَقُل لِّلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُبْنَ مِنْ أَبْصَرِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبَدِّلْنَ زِيَّتَهُنَّ إِلَّا
مَا ظَهَرَ مِنْهَا ۝

“Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang *zahir* daripadanya”.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Saya menegur kerana saya sayangkan saudara-saudara sekalian kerana Allah SWT. Kehidupan ini sangatlah singkat dan kita harus menjalani kehidupan tanpa mengetahui titik noktah masing-masing. Maka, bersedialah setiap masa dengan kematian yang sangat hampir dan usahlah bebankan diri kita dengan dosa dan kemurkaan Allah SWT. Peliharalah diri dan keluarga dari perkara-perkara yang ditegah oleh Allah SWT dan perkara-perkara yang terdedah kepada sangkaan buruk orang ramai. Imam al-Ghazali menjelaskan bahawa seseorang Muslim seharusnya menjaga dirinya dari berada di ruang

yang boleh membawa tohmahan buat dirinya. Atas sebab itu Saidina Zaid bin Thabit pernah menegaskan:

إِنِّي لَا كُرْهُ أَنْ أُرَى فِي مَكَانٍ يُسَاءُ بِي الظَّنُّ

*“Aku benci untuk duduk di tempat yang kalau manusia melihatku, mereka akan berburuk sangka terhadapku”.*³

Justeru, mengakhiri khutbah pada hari ini, saya ingin meninggalkan beberapa pesanan;

Pertama: Teruskanlah melaksanakan ketaatan, menjauhi kemungkaran dan meningkatkan amal ibadah dalam Bulan Syawal.

Kedua: Bergembiralah sesuai menurut garis panduan syarak dan janganlah mengikut secara membuta tuli setiap perkara yang menjadi kegilaan dan tidak diketahui asal-usulnya apatah lagi perkara yang bertentangan dengan prinsip Islam.

Ketiga: Jauhkan diri dan keluarga dari perkara-perkara yang boleh menyebabkan cemuh dan buruk sangka orang ramai serta perkara-perkara mungkar yang boleh mendatangkan kemurkaan Allah SWT.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Hadid ayat 16:

﴿أَلَمْ يَأْنِ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْ تَخْشَعَ قُلُوبُهُمْ لِذِكْرِ اللَّهِ وَمَا نَزَّلَ مِنْ الْحُقْقِ وَلَا يَكُونُوا كَالَّذِينَ
أُوتُوا الْكِتَابَ مِنْ قَبْلُ فَطَالَ عَلَيْهِمُ الْأَمْدُ فَقَسَّتْ قُلُوبُهُمْ وَكَثِيرٌ مِّنْهُمْ فَسِقُوْنَ﴾

Maksudnya: “Belum sampaikah lagi masanya bagi orang-orang yang beriman, untuk khusyuk hati mereka mematuhi peringatan dan pengajaran Allah serta mematuhi kebenaran (al-Quran) yang diturunkan (kepada mereka)? Dan janganlah pula mereka menjadi seperti orang-orang yang telah diberikan Kitab sebelum mereka, setelah orang-orang itu melalui masa yang lanjut maka hati mereka menjadi keras, dan banyak di antaranya orang-orang yang fasik - derhaka”.

³ *Syu'ab al-Iman*, no: 6383

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِي وَأَيَاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقْبِلَ مِنِي وَمِنْكُمْ تَلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ。 أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءُ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ。

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلٰى أَهٰلِ
وَاصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تَقْعِيدِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللّٰهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ
بِالصَّلٰةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلٰى نَبِيِّكُمِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى: إِنَّ اللّٰهَ وَمَلِكُتُهُ وَيُصَلِّونَ عَلٰى
النَّبِيِّ يَا عَيْهَا الَّذِينَ ءامَنُوا صَلُوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيماً ۖ

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى أَلِّ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنِ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِيِّ
الْتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدِ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَا وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةَ جَلَالَةً مَلِكَنَا كِبَاوَهُ دُولِي يَعْ مَهَا
مُولِيَا سَرِيْ قَدْوَكَ بِكِينِدا يَعْ دَفْرَتوَانِ اكْنُوْغْ سُلْطَانِ إِبْرَاهِيمَ.

وَكَذَلِكَ كِبَاوَهُ دُولِي يَعْ مَهَا مُولِيَا سَرِيْ قَدْوَكَ بِكِينِدا رَاجِ فَرْمَايُوسِيِّ اكْنُوْغْ، رَاجِ
زَارِيْثُ صُوفِيَاَهُ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عَلِمَاءَهُ وَوزَراءَهُ وَقُضاةَهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاَهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنَا مُطْمَئِنَا، سَخَاءَ رَخَاءَ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَآمِنٍ وَآمَانٍ،
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِرِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَأَخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلَى كَلْمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِالْيَهُودِ الْمُعْتَدِلِينَ، الَّذِينَ قَاتَلُوا إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ فِي فَلَسْطِينَ، اللَّهُمَّ عَلَيْكَ
بِهِمْ، فَإِنَّهُمْ لَا يُعْجِزُونَكَ، اللَّهُمَّ شَتَّ شَمْلَهُمْ وَفَرَقْ جَمْعَهُمْ وَاجْعَلْ الدَّائِرَةَ عَلَيْهِمْ،
اللَّهُمَّ أَحْصِهِمْ عَدَدًا، وَاقْتُلْهُمْ بَدْدًا، وَلَا تُغَادِرْ مِنْهُمْ أَحَدًا، اللَّهُمَّ انْزِلْ عَلَيْهِمْ وَعَلَى مَنْ
عَوْنَاهُمْ، بَأْسَكَ الدَّيْرِ لَا يَرِدُ عَنِ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ.

اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعِفِينَ فِي فَلَسْطِينَ.

اللَّهُمَّ انصُرِ الْمُسْلِمِينَ الْمُسْتَضْعِفِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ، اللَّهُمَّ ارْحِمِ الْمُسْتَضْعِفِينَ مِنْ عِبَادِكَ،
اللَّهُمَّ اكْشِفْ الغَمَةَ عَنْ أَمْتَنَا، اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ أَنْ تُرْفَعَ الْبَلَاءُ عَنْ غَزَّةَ وَاهْلَهَا، وَأَنْ
تُنْصِرَهُمْ عَلَى عَدُوِّهِمْ، وَأَنْ تُرْحِمَ الْمُسْتَضْعِفِينَ مِنْ عِبَادِكَ، وَأَنْ تُكْشِفَ الغَمَةَ عَنْ
أَمْتَنَا، اللَّهُمَّ عَافَا وَالْطُّفْ بَنَا وَاحْفَظْنَا وَانْصُرْنَا وَفَرِجْ عَنَّا وَالْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اكْفِنَا
وَآيَاهِمْ جَمِيعًا شَرَّ مَصَابِ الدُّنْيَا وَالدِّينِ.

اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفَتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بَلَدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجَنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ
الرَّاحِمِينَ.

رَبَّنَا آتَانَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.